

18 DEC 1997

MMA-hospital

HOSPITAL SWASTA PERLU KAJI SEMULA OPERASI DAN GAJI

KUALA LUMPUR, Dec 18 (Bernama) -- Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menyokong saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada hospital swasta supaya mengurangkan kadar bayaran bagi rakyat Malaysia, kata presidennya, Dr Milton Lum hari ini.

Dr Lum berkata hospital swasta perlu dengan segera mengkaji semula operasi dan struktur gaji mereka yang merupaka "komponen penting" perbelanjaan mereka.

Katanya bayaran untuk doktor hanya sebahagian kecil dari jumlah bil yang perlu dibayar dan mereka (doktor) tidak berhak bersuara mengenai bayaran.

"Setiap kali sebuah hospital swasta baru dibuka, gaji kakitangan bukan doktor ditambah untuk menarik pekerja dan hospital swasta yang lama terpaksa menaikkan gaji kakitangan mereka kerana takut mereka lari ke tempat baru," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Ini, katanya, menyebabkan keadaan di mana jururawat di hospital-hospital swasta mendapati gaji lebih dari doktor di sektor awam.

Dr Lum berkata orang ramai perlu sedar bahawa segala kemewahan di hospital swasta tidak menyumbang sepenuhnya kepada penyembuhan pesakit.

Beliau juga berkata para pelabur dalam projek hospital swasta perlu melihat pelaburan mereka dari segi jangka panjang dan tidak mengharapkan pulangan dalam masa singkat beberapa tahun seperti dalam industri lain.

Hampir kesemua pakar yang berkhidmat dengan hospital swasta tidak bergaji tetapi diberi bayaran profesional yang selalunya mengikut jadual bayaran MMA 1992 sebagai panduan.

Sementara itu, anggota jawatankuasa pusat parti Gerakan, Dr S.Vijayarajam, dalam menyokong saranan Dr Mahathir itu turut menggesa pengamal perubatan yang lain dan juga para profesional yang lain supaya turut mengakurinya.

"Para profesional yang selalunya lebih baik kedudukan mereka, perlu menunjukkan kesediaan mereka untuk berkorban ketika negara menghadapi masalah kewangan," katanya dalam satu kenyataan. -- BERNAMA

MT WAT